AYAT AKTIF DAN AYAT PASIF

A. Nyatakan sama ada ayat di bawah ini adalah ayat aktif atau ayat pasif

Bil.	Ayat	Jawapan
1	Buku-buku itu saya bawa ke sekolah.	
2	Azmi telah meraih pingat perak dalam acara lari 100 meter di Sukan Akhir Tahunan Sekolahnya.	
3	Saya membantu kakak di dapur sejak pagi tadi.	
4	Lantai di dapur itu sudah kamu bersihkan?	
5	Ketua Polis Negara menyarankan anggota polis supaya berhati-hati sewaktu bertugas.	
6	Lagu asli Melayu Brunei didendangkan oleh M.Nordin.	
7	Dua ekor ayam jantan itu disembelih oleh ayah.	
8	Dedaun kering di bawah pokok rambutan telah saya sapu.	
9	Hadiah untuk adik telah kamu bungkus?	
10	Dia meletakkan pasu bunga itu di atas meja.	

LIVEWORKSHEETS

11	Pasukan Pengakap mendirikan khemah di tepi sungai itu.	
12	Mereka menghulurkan derma kepada mangsa kebakaran itu dengan rela hati.	
13	Hadiah pertama cabutan bertuah telah dimenangi oleh Sani sewaktu Hari Pembukaan Kelab Tarian.	
14	Kuih lepat pisang itu belum engkau kukus sejak semalam lagi.	
15	Nenek dan ibu telah menyediakan pelbagai jenis kuih di atas meja.	
16	Monyet itu telah kena pukul dengan kayu kerana mencuri nasi bungkus di gerai itu.	
17	Almari buruk itu kami alih ke belakang kelas.	
18	Rosin telah menggiling cili kering dan halia itu di dapur.	
19	Sofia telah menyiapkan minit mesyuarat tersebut sebelum mesyuarat bermula.	
20	Dinding surau itu dicat oleh pelajar-pelajar Sekolah Tahfiz petang tadi.	

LIVEWORKSHEETS

B. Tukar ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif.

1. Anjing itu mengajar kucing yang masuk ke kawasan rumah.

   Jawapan:_____

2. Saya menghantar pesakit itu ke hospital yang berhampiran.

   Jawapan:_____

3. Pekerja-pekerja itu membersihkan kawasan sekolah itu sebelum pembukaan sekolah.

   Jawapan:_____

4. Polis menahan seorang warganegara asing yang tidak membawa pasport.

   Jawapan:_____

5. Dia membina rumah di kaki bukit itu dengan menggunakan wang pinjaman daripada bank.

   Jawapan:_____

LIVEWORKSHEETS

C. Tukar ayat pasif di bawah ini kepada ayat aktif.

1. Lima ekor ikan tenggiri telah disiang oleh penjual ikan di pasar itu.

Jawapan:_____

2. Laporan itu terpaksa saya rombak semula kerana isinya tidak tersusun.

Jawapan:_____

3. Buku itu telah dipinjam oleh Kakak Rose dari perpustakaan.

Jawapan:_____

4. Pokok bung aini engkau perlu tanam dengan segera.

Jawapan:_____

5. Kita sepatutnya menyelesaikan kerja pembersihan itu pada petang ini juga.

Jawapan:_____

LIVEWORKSHEETS